

## **SURAH AL-ZALZALAH AYAT 7 DAN 8 SEBAGAI TEMA PENDEKATAN MOTIVASI ISLAMI**

### ***SURAH AL-ZALZALAH VERSE 7 & 8 AS ISLAMIC MOTIVATION THEME***

***Fatimah Az-Zaharah Mazlan<sup>1</sup>, Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi<sup>2</sup> &  
Mahfuzah Mohammed Zabidi<sup>3</sup>***

*Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor<sup>1,2</sup>*

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Pasir Gudang, 81750 Masai, Johor<sup>3</sup>  
izzar@ukm.edu.my<sup>2</sup>*

#### **ABSTRACT**

*The method of encouragement (targhib) and intimidation (tarhib) is one of the methods that is often used in the Qur'an separately or in combination. Targhib is an impulse that encourages one's desire to carry out the commands of Allah. While tarhib is about things that are frightening and cause fear to a person. Recognizing this fact, the researcher took the initiative to conduct a study using qualitative methods that is to analyze the documents and some commentary books to understand the concept. Thus, this study is about the concept of targhib and tarhib. Then, the researcher connects Surah al-Zalzalah verses 7 and 8 as verses that overshadow the concept of targhib and tarhib. In addition, the researcher also discusses the implications of the two concepts as an applied approach in Islamic motivation and counseling. The results of the study found that Surah al-Zalzalah, which covers the elements of targhib and tarhib, plays a role in refreshing one's arousal and fear of the promises of Allah SWT. The integration of these two methods that coincide with the will of human nature is very helpful in educating the soul and treating the spiritual issues that are the cause of the social problems of most of our society today.*

*Keywords: Encouragement (Targhib), Intimidation (Tarhib), Motivation, Counseling, Spirituality*

#### **ABSTRAK**

Uslub *targhib* dan *tarhib* merupakan salah satu daripada uslub yang kerap digunakan dalam al-Qur'an secara berasingan mahupun bergandingan. *Targhib* adalah dorongan yang menggalakkan keinginan seseorang untuk melaksanakan perintah-perintah Allah. Manakala *tarhib* pula mengenai perkara yang menggerunkan dan menimbulkan perasaan takut kepada seseorang. Menyedari hakikat ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisa dokumen-dokumen dan beberapa kitab tafsir untuk memahami konsep tersebut. Justeru, kajian ini adalah seputar konsep *targhib* dan *tarhib*. Kemudian, pengkaji menghubungkan Surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8 sebagai ayat yang menaungi konsep *targhib* dan *tarhib* ini. Selain itu, pengkaji juga membincangkan implikasi kedua-dua konsep tersebut sebagai pendekatan yang diterapkan dalam motivasi dan kaunseling Islam. Hasil kajian mendapati bahawa Surah al-Zalzalah yang menaungi unsur *targhib* dan *tarhib* berperanan untuk menyegarkan rangsangan dan gerun seseorang itu terhadap janji-janji Allah SWT. Kesepaduan kedua-dua uslub ini yang bertepatan dengan kemahuan fitrah manusia sangat membantu dalam mendidik jiwa dan mengubati masalah kerohanian yang menjadi punca kepada masalah sosial sebahagian besar masyarakat kita hari ini.

Kata Kunci: *Targhib, Tarhib, Motivasi, Kaunseling, Kerohanian*

## PENGENALAN

Saban hari permasalahan yang dialami oleh umat Islam semakin membimbangkan. Lihat saja berita di media elektronik dan media bercetak yang tidak putus-putus menyiarkan masalah yang timbul dalam kalangan masyarakat kita. Menurut Zulkifli Ismail yang merupakan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, rekod kes pembuangan bayi mencatatkan sebanyak 577 kes yang berlaku sekitar tahun 2014 hingga 2018. Tambahan pula, negeri Selangor merupakan negeri yang mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 135 kes sepanjang tahun berikut. Jadi secara tidak langsung rekod tersebut menggambarkan kes pembuangan bayi berlaku setiap tiga hari.

Selain itu, isu penagihan dadah umpama barah yang semakin parah sejak awal tahun 1970-an sehinggalah hari ini, dan masalah ini masih tiada penawar yang mampu mengubatnya. Menurut data daripada agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan statistik semakin meningkat daripada tahun 2013 hingga 2017 dan pada tahun 2013 mencatatkan penagih berbangsa Melayu paling ramai terlibat iaitu sebanyak 80.84% berbanding dengan bangsa India, Cina dan selainnya. Begitu juga pada tahun 2017, sekali lagi kes tertinggi dalam kalangan orang Melayu adalah sebanyak 79.11% iaitu lebih separuh daripada bangsa-bangsa lain (Rosni Wazir et.al 2019). Barah ini menunjukkan keadaan yang membimbangkan apatah lagi apabila kegiatan tersebut menjadi 'adat' yang akan mengancam imej dan identiti Islam kerana majoriti orang Melayu adalah beragama Islam.

Sehubungan dengan itu, individu, keluarga, pihak sekolah sehingga pihak kerajaan berperanan penting mengambil pelbagai inisiatif bagi menangani masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat. Menurut Rosni Wazir & et.al (2019), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) yang merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memperkenalkan program-program untuk menangani isu penagihan dadah seperti Pusat Integrasi Klien (PIK), Cure & Care Services Centre (CCSC) dan Caring Community House (CCH) sebagai tempat pemulihan kepada golongan yang sudah tergelincir dalam kancah dadah. Bukan itu sahaja, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga pernah melancarkan Program Jelajah Elok Saja Tau! (BEST!) sebagai langkah untuk membendung gejala sosial yang semakin hari menjadi normalisasi kepada masyarakat pada hari ini. Pihak sekolah pula berperanan memuatkan silibus-silibus keagamaan dan bimbingan kelas keagamaan seperti kelas J-Qaf dan mata pelajaran Pendidikan Islam untuk mengisi di samping menguatkan rohani murid-murid sejak di bangku sekolah demi membentuk identiti muslim yang sejati (Siti Aziah 2014).

Berdasarkan senario di atas maka jelaslah bahawa isu sosial masyarakat kita pada hari ini semakin kritikal dan perlu dibendung secepatnya. Antara pendekatan yang boleh dianjurkan ialah melalui suntikan motivasi dan kaunseling psikologi berbentuk Islami untuk membina rohani yang mantap dalam diri setiap insan. Hal ini demikian kerana permasalahan jiwa dan kelemahan rohani adalah faktor utama kepincangan sosial yang berlaku pada hari ini (Wan Azura et.al 2017). Oleh itu, pengkaji membincangkan konsep *targhib* dan *tarhib* dan kepentingannya dalam motivasi dan kaunseling dengan menjadikan Surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8 sebagai ayat yang menaungi konsep *targhib* dan *tarhib*.

## METODOLOGI

Makalah ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu pendekatan menganalisa dokumen bagi mengkaji unsur *targhib* dan *tarhib* yang terdapat dalam Surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8. Pengkaji telah

merujuk al-Quran sebagai sumber utama dan beberapa kitab tafsir iaitu *Jamī' al-Bayān fi Takwīl al-Qur'an* karya al-Ṭabari (2000), *al-Nuktu wa al-'Uyūn* oleh al-Mawardi (tt), *Maḥūṭh al-Ghayb* karangan al-Razi (1999), *al-Jamī' al-Ahkām al-Qur'an* karya al-Qurṭubi (1964). Kemudian, Tafsir *al-Qur'an al-'Azīm* oleh Ibnu Kathir (1998), *Nazm al-Durar Fi Tanāsub al-Ayāt wa al-Suar* oleh al-Biqā'ie (tt), *al-Tahīr wa al-Tahwīr* karya Ibnu 'Ashur (1984) serta *Rūh al-Ma'āni* karangan al-Alusi (1994). Selain daripada itu, beberapa jurnal, tesis dan artikel juga menjadi sumber rujukan pengkaji dan kesemua sumber ini dianalisa secara induktif dan tematik untuk memahami unsur *targhib* dan *tarhib* dalam Surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8 serta peranannya di dalam motivasi Islami.

## **UNSUR TARGHIB DAN TARHIB DI DALAM SURAH AL-ZALZALAH AYAT 7 DAN 8**

Islam merupakan agama yang syumul dan banyak mengajar umat manusia melalui penurunan al-Quran yang mengandungi panduan hidup untuk dijadikan sumber rujukan utama. Al-Quran sememangnya diturunkan adalah untuk dibaca dan diamalkan isi kandungannya dalam kehidupan seharian. Oleh kerana itu, ayat-ayat di dalamnya mempunyai pelbagai bentuk dan pendekatan termasuklah pendekatan pengkisahan (*al-qasas*), perumpamaan (*al-mathal*), dialog (*hiwar*), galakan (*targhib*), ancaman (*tarhib*). Variasi bentuk dan metode penyampaian ayat al-Quran ini adalah salah satu daripada mukjizat al-Quran yang berperanan untuk menyuntik nilai kehambaan dan menarik perhatian umat manusia membacanya (Syukur, A. 2015).

Pendekatan *targhib* dan *tarhib* merupakan pendekatan yang paling banyak digunakan dalam kalam Allah secara bergandingan atau berasingan (Dewi Ariyani & Nursalim 2016). Kesepaduan kedua-dua uslub ini saling melengkapi dan bertepatan dengan fitrah manusia yang gemar akan perkara baik dan takut akan perkara buruk dan ancaman seksa (Siti Aziah 2014). Tambahan pula, uslub *targhib* dan *tarhib* dalam al-Quran kebiasaannya banyak didapati dalam surah-surah *Makiyyah* kerana antara ciri-ciri surah *Makiyyah* ialah membincangkan tentang kekuasaan Allah seraya mengajak umat manusia mentauhidkan-Nya dengan meninggalkan perbuatan jahiliah. Walaupun demikian itu, terdapat juga beberapa surah *Madaniyyah* yang turut menerapkan kedua-dua unsur tersebut seperti Surah al-Zalzalah. Jadi surah *Makiyyah* bukanlah syarat bagi penerapan unsur *targhib* dan *tarhib*.

Surah al-Zalzalah merupakan surah ke-99 daripada 114 surah dalam al-Quran, manakala berdasarkan tertib penurunan surah, surah ini yang ke-94 diturunkan selepas Surah an-Nisā' dan sebelum Surah al-Hadīd (al-Zarkasyi 1957). Ringkasnya, surah ini dinamakan sebagai Surah al-Zalzalah yang bermaksud "kegoncangan". Adapun beberapa naskhah yang menamakan surah ini sebagai Surah Iza Zulzilāt (سورة إذا زلزلت) dan surah ini diturunkan di *Madinah*. Kenyataan ini disokong dengan riwayat Jabir bin Zaid yang berpegang bahawa surah al-Zalzalah adalah salah satu daripada surah *Madaniyyah*. Meskipun itu, surah *Madaniyyah* ini terlihat hampir serupa seperti surah *Makiyyah* oleh kerana ayat-ayatnya yang pendek dan inti patinya banyak mengisahkan mengenai hari Akhirat (Wahbah al-Zuhaili 1998).

Menurut beberapa pandangan mufassirin, antaranya Ibnu Kathir (774 H) dalam *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* menafsirkan surah ini menggambarkan keadaan bumi yang bergoncang dan bergerak sambil melemparkan isi perutnya yang mengandungi daripadanya mayat-mayat. Keadaan dahsyat ini berlaku sehinggakan tiada tempat untuk umat manusia berlindung. Pada waktu itu juga akan dibicarakan apa yang telah manusia kerjakan selama berada di muka bumi Allah dan mereka akan dimasukkan ke syurga atau sebaliknya mengikut amal kebajikan masing-masing. Oleh itu, Allah mengingatkan pada ayat ke 7 dan 8 mengenai setiap perbuatan manusia hatta sebesar zarah

sekalipun adalah bernilai dan akan mendapat balasan baik dalam bentuk kebaikan mahupun keburukan.

Muhammad Quraish Shihab (2009) dalam Tafsir al-Misbāh menjelaskan hubungan surah ini dengan sebelumnya iaitu Surah al-Bayyinah. Surah al-Bayyinah menerangkan balasan serta ganjaran yang bakal diterima oleh golongan yang menderhakai dan mentaati Allah Ta'ala pada hari Akhirat. Justeru, Surah al-Zalzalah ini pula seputar awal terjadinya hari Akhirat iaitu bumi digoncang dengan begitu dahsyat. Kegoncangan yang berlaku di seluruh kawasan tidak seperti gempa bumi pada hari ini. Keadaan tersebut telah menimbulkan tanda tanya bagi manusia, kemudian dijelaskan dan manusia akan ditempatkan ke syurga atau neraka bergantung kepada amalan yang mereka kerjakan sewaktu masih hidup. Akhir surah ini membicarakan tentang sekecil manapun amalan manusia itu semuanya dikira di sisi Allah SWT.

### **Definisi *Tarhib* dan *Tarhib***

Menurut *al-Mu'jam al-Wasit* (1972), perkataan *tarhib* dari sudut bahasa berasal daripada kalimah رغب "*raghiba*" yang membawa maksud keinginan terhadap sesuatu perkara dan mengharapkannya. Walau bagaimanapun, kalimah رغب membawa maksud sebagai suka dan gemar sekiranya kalimah ini diikuti dengan kalimah في, akan tetapi sekiranya kalimah رغب diikuti dengan عن bermaksud benci atau meninggalkannya. Pada istilah pula, pengertian *tarhib* dari Abd al-Karim Zaydan (1967) dalam Siti Aziah (2014) *tarhib* ialah setiap perkara yang mendorong keinginan, galakan dan rangsangan untuk menerima kebenaran dan tetap berada dalam ketaatan.

Kalimah *tarhib* pula, menurut *Lisan al-'Arab* kalimah ini berasal daripada رهب (*rahhaba*) yang bermaksud takut dan gerun. Manakala تهيب adalah menakut-nakutkan dengan ancaman dan seksaan buruk yang tidak diingini. Perkataan ini menurut istilah bermaksud setiap perkara yang menggerunkan dan mengingatkan sasaran terhadap akibat tidak menerima kebenaran atau tidak berterusan di dalamnya (Abd al-Karim Zayd 1967 dalam Siti Aziah 2014).

Menurut Yusuf al-Qaradhawi (1993) dalam karyanya *tarhib* pada istilah syara' bermaksud menggalakkan manusia untuk beribadat kepada Allah dengan melakukan amal soleh dan kebaikan, berakhlak mulia dan melaksanakan segala yang diperintahkan Allah dalam kalam-Nya dan melalui lisan Rasul-Nya serta memimpin manusia ke arah kebaikan dengan dorongan ingin mencapai apa yang dijanjikan Allah iaitu balasan baik serta pahala di dunia dan Akhirat. Kemudian *tarhib* dari sudut istilah *syara'* pula bererti menggerunkan dan menakutkan dalam mengabdikan diri kepada Allah dengan melaksanakan segala perintahnya, memenuhi hak-hak Allah dan hak manusia serta menjauhi perbuatan yang ditegah Allah yang berupa perbuatan keji (Siti Aziah 2014).

Meneliti definisi di atas, *tarhib* dan *tarhib* sebagai uslub dalam al-Quran yang berperanan sebagai motivasi yang memberi galakan untuk umat manusia melakukan kebaikan dan ancaman peringatan kepada umat manusia daripada melakukan perbuatan yang dibenci Allah SWT. Selain itu, uslub *tarhib* dan *tarhib* mampu mengawal jiwa setiap pemiliknnya dengan mengarahkan dirinya melakukan ketaatan dan meninggalkan maksiat. Justeru itu, penerapan kedua-dua unsur yang saling melengkapi selari dengan salah satu tujuan al-Quran diturunkan iaitu mendidik manusia untuk melakukan kebaikan dan amar makruf dan mengelak daripada perbuatan munkar yang dibenci Allah SWT (Saparudin, I. F. 2017).

### **Bentuk-bentuk *Tarhib* dan *Tarhib***

*Tarhib* dan *tarhib* merupakan salah satu uslub yang diterapkan dalam al-Quran untuk mendidik manusia. Menurut Siti Aziah (2014) uslub *tarhib* dan *tarhib* tidak terhad kepada satu keadaan bahkan kedua-dua uslub ini boleh dizahirkan dalam pelbagai keadaan dan bentuk serta reaksi penerimaan terhadapnya. Hal ini demikian kerana ada segelintir jiwa manusia yang gemar dan bersegera kepada kebaikan, rindukan cahaya kebenaran dan terkesan dengan balasan yang mendorongnya kepada kehidupan yang diberkahi Ilahi. Namun demikian, ada juga kelompok manusia yang perlu dikejutkan dan diberi peringatan dengan akibat daripada perbuatan yang dilakukannya. Kepelbagaian jenis emosi dan mentaliti manusia ini menjadikan *tarhib* dan *tarhib* sangat relevan diaplikasikan.

Bentuk yang pertama dalam unsur *tarhib* ialah sebagai galakan yang mendorong umat manusia supaya mentaati Allah dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Hadiah dan ganjaran yang dinyatakan adalah janji Allah SWT yang bertujuan untuk menyemarakkan dan menaikkan semangat umat manusia agar sentiasa memperbanyakkan amalan soleh. Seterusnya, bentuk kedua ialah rangsangan dan galakan yang mendorong pembinaan sahsiah akhlak yang terpuji dengan mengikut sunnah Rasul-Nya. Dalam ayat-ayat al-Qur'an terdapat banyak penerangan mengenai ganjaran seperti pertolongan Allah, rahmat dan keluasan rezeki yang akan dikurniakan kepada umat manusia yang berusaha meninggikan akhlak untuk mencontohi pekerti baginda SAW (Siti Aziah 2014).

Peringatan (*tarhib*) juga mempunyai dua bentuk yang berbeza sekiranya diamati dengan teliti. Kebiasaannya unsur *tarhib* di dalam ayat akan disertai dengan syarat yang berupa janji-janji buruk yang bakal menimpa di dunia dan Akhirat. Menurut Siti Aziah (2014) dua bentuk *tarhib* tersebut ialah ancaman terhadap perbuatan maksiat kepada Allah seperti menyekutukan-Nya, bersifat fasik dan melampaui batas-batas yang ditetapkan Allah dan tidak mentaati-Nya. Sifat-sifat yang melampaui batas dan ingkar dengan perintah tuhan akan mendedahkan manusia untuk dibalas dengan balasan buruk bahkan akan mengundang impak yang lebih parah sekiranya berlarutan. Seterusnya, bentuk *tarhib* yang kedua ialah peringatan daripada melakukan kemungkaran kepada orang lain. Allah menciptakan manusia sebagai makhluk yang paling mulia yang mempunyai akal fikiran untuk membezakan mana baik dan buruknya. Namun begitu, sifat manusia yang lemah dan sering alpa dalam kenikmatan yang dikurniakan Allah menjadikan ada segelintir manusia yang terleka. Jadi tidak hairanlah kes jenayah dan kemungkaran yang melibatkan kelompok masyarakat mulai berleluasa. Kedua-dua bentuk ini disampaikan dengan diikuti janji balasan buruk kepada si pelaku.

Kepelbagaian bentuk unsur *tarhib* dan *tarhib* ini terdapat dalam al-Quran sebagaimana yang dijelaskan dalam perbincangan di atas. Susulan daripada itu membuktikan sememangnya al-Quran adalah kitab panduan yang seharusnya diamalkan oleh umat manusia yang membaca dan memahaminya. Setiap amalan baik yang dilakukan akan dibalas dengan kebaikan dan begitu juga setiap perbuatan yang buruk akan dihukum setimpal dengannya sama ada di dunia mahupun di Akhirat (Farzanah Balali Banaderi, R. J. 2018).

### **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan malaikat Jibril secara beransur-ansur selama 23 tahun. Kitab agung ini mengandungi perihal akidah dan syariat Islamiyyah untuk dijadikan pedoman hidup buat manusia sehingga akhir zaman. Al-

Quran ini diturunkan dalam bahasa Arab. Akan tetapi tidak semua orang mampu memahami al-Quran dengan mudah kerana tidak semua zahir ayat al-Quran yang difahami itu yang Allah SWT ingin sampaikan. Jadi, di sini muncullah golongan ahli agamawan iaitu para mufassir yang ‘alim mengenai al-Quran merungkaikan ayat-ayat di dalam al-Quran demi membantu umat Islam memahaminya dengan baik.

Menurut Solāh Abd al-Fattāh al-Khālidi (2012) tafsir al-Qur’an ialah ilmu yang memberi kefahaman terhadap al-Qur’an melalui penerangan maknanya dan merungkaikan hukum-hukum yang terdapat padanya untuk menghilangkan kekeliruan. Penafsiran yang dilakukan oleh para ulama’ tafsir tidak terlepas daripada latar belakang kehidupan dan akademik mereka. Perbezaan metode penafsiran dan kecenderungan mereka ini telah menunjukkan keistimewaan ilmu tafsir dan kebijaksanaan para agamawan yang dianugerahkan oleh Allah Taala dalam pelbagai bidang ilmu.

Daripada penafsiran surah al-Zalzalah di dalam *Jamī’ al-Bayān fi Takwīl al-Qur’an* karya al-Ṭabari (310H), *al-Nuktu wa al-‘Uyūn* oleh al-Mawardi (450H), *Mafā’ih al-Ghayb* karangan al-Razi (606H), *al-Jamī’ al-Ahkām al-Qur’an* karya al-Qurṭubi (671H), *Tafsir al-Qur’an al-‘Aẓīm* oleh Ibnu Kathir (774H), *Nizam al-Durar Fi Tanāsub al-Ayāt wa al-Suar* oleh al-Biqā’ie (885H), *Rūh al-Ma’āni* karangan al-Alusi (1270H) serta *al-Tahīr wa al-Tahwīr* karya Ibnu ‘Ashur (1393H), pengkaji melihat hubungan antara unsur *targhib* dan *tarhib* dengan *manhaj* dan *ittijah* (kecenderungan) para mufassir secara perbandingan adalah tidak signifikan. Hal ini kerana setiap penafsiran yang dikemukakan para pentafsir mengenai unsur *targhib* dan *tarhib* terutamanya dalam surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8 ketara adalah sama atau hampir sama dari sudut hadith-hadith yang dikemukakan, perbahasan qiraat, *asbab nuzul* dan penerangan ayat tersebut yang berkisarkan galakan dan ancaman (Mustafa Ibrahim al-Mushni 2006).

Didapati bahawa para ulama tafsir bersepakat mengatakan ayat 7 daripada surah al-Zalzalah ini mengandungi unsur *targhib* atau galakan yang merangsang umat manusia melakukan amalan kebaikan walau hanya sedikit. Sedangkan ayat 8 pula berunsurkan *tarhib* atau ancaman yang menimbulkan rasa gerun dalam hati manusia daripada melakukan perbuatan buruk walaupun hanya sedikit. Kendatipun terdapat mufassir yang menyebut istilah *targhib* dan *tarhib* secara jelas mahupun samar-samar, tafsiran mereka masih lagi dalam perbahasan yang sama bahawa pendekatan ini menepati fitrah manusia yang berperanan mendidik manusia untuk mentauhidkan Allah Taala serta meninggalkan perbuatan maksiat. Daripada pengamatan ini, pengkaji bersetuju dengan kenyataan yang dibawa oleh para ulama’ tafsir bahawa kedua-dua ayat ini terdapat unsur *targhib* dan *tarhib*. Bahkan tidak keterlaluan sekiranya pengkaji mengatakan ayat 7 dan 8 surah al-Zalzalah merupakan “ketua” yang menaungi segenap *targhib* dan *tarhib* dalam semua perkara.

## **IMPLIKASI KONSEP *TARGHIB* DAN *TARHIB* SEBAGAI PENDEKATAN MOTIVASI ISLAMI**

Meneliti masalah akhlak yang dialami oleh segelintir umat Islam pada hari ini dilihat semakin hari semakin merudum, seolah-olah kita sedang berada di ambang akhir zaman. Buktinya, berita-berita di media elektronik dan media bercetak tidak putus-putus menyiarkan masalah yang timbul dalam kalangan masyarakat kita. Data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan rekod kes pembuangan bayi saban tahun semakin membimbangkan kerana sekitar tahun 2014 hingga 2018 merekodkan sebanyak 577 kes. Kiraan ini secara tidak langsung menggambarkan kes pembuangan bayi berlaku setiap tiga hari (Sinar Harian, 23 Julai 2020). Selain itu, data daripada agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) mencatatkan statistik yang semakin meningkat dari tahun 2018

hingga 2020 dan penagih Melayu merupakan penagih paling tinggi iaitu sebanyak 76.9% (<https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/Buku-Maklumat-Dadah-2020.pdf>).

Menurut Rosni Wazir et.al (2019), melihat kepada kepincangan sosial yang dialami masyarakat terutamanya golongan remaja, kebanyakan masalah tersebut berpunca daripada pegangan akidah yang tidak mantap. Pengabaian agama telah memberi impak negatif kepada kesalah laku remaja (Nor Azizah Mustapha et.al 2017). Menyedari faktor ini, langkah-langkah yang sepatutnya dilaksanakan adalah kursus-kursus motivasi dan kaunseling dengan menggabungkan kedua-dua pendekatan ini secara bersepadu. Ini kerana pendekatan al-Quran pastinya merupakan satu pendekatan yang terbaik untuk membina dan mengukuhkan jati diri melalui *targhib* secara dorongan dalaman beserta *tarhib* yang bersifat ancaman luaran seperti yang diisyaratkan oleh Surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8 ini. Dorongan dalaman yang dimaksudkan adalah aspek kerohanian. Aspek ini adalah penting dalam jiwa manusia untuk memandu mereka menentukan corak kehidupan.

Berbeza dengan pendekatan motivasi, terapi dan kaunseling Islami ini yang dilaksanakan dalam versi Islamik berperanan membantu menjadi penawar untuk memulih dan menguatkan kerohanian seseorang. Rawatan yang melibatkan aspek rohani adalah seperti amalan solat, berzikir, mengambil wudhuk dan diikuti dengan taubat yang sebetul-betulnya. Pada pandangan pengkaji, proses motivasi dan kaunseling Islami akan bertambah efektif apabila menghubungkannya dengan unsur *targhib* dan *tarhib* bersama. Hal ini kerana kedua-dua uslub ini adalah selari dengan fitrah dan keperluan setiap manusia yang memerlukan ransangan sebagai pendorong mereka ke arah kebaikan dan peringatan yang akan mencegah diri mereka daripada terus hanyut dalam maksiat (Hussin, S. A. 2005). Buktinya, Rasulullah SAW banyak menerapkan konsep ini ketika menyampaikan dakwah kepada masyarakat di Mekah dan Madinah. Hasil daripada kelembutan (*targhib*) dan ketegasan (*tarhib*) tersebut, baginda SAW berjaya menyebarkan dakwah Islamiyyah sehingga melahirkan umat Islam yang hebat dan kental sehingga sanggup menggadaikan nyawa kerana Allah SWT dan Rasul-Nya (Iba, J. 2013).

Tambahan pula, pengkaji menyarankan untuk menjadikan Surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8 sebagai ayat-ayat yang mengetuai unsur *targhib* dan *tarhib* lantaran makna dan kandungannya yang sangat tepat iaitu pada lafaz “ *مِثْقَالَ ذَرَّةٍ* ” di dalam kedua-dua ayat tersebut membawa maksud kepada sekecil-kecil perbuatan kebaikan dan keburukan yang dilakukan oleh umat manusia mempunyai nilai di sisi Allah Taala. Justeru, melalui pembacaan dan penghayatan terhadap dua ayat akhir dari surah al-Zalzalah ini sebenarnya sudah cukup untuk membangkitkan rangsangan umat manusia untuk berlumba-lumba melakukan kebaikan dan menimbulkan rasa gerun untuk melakukan dosa. Selain itu, ayat-ayat ini juga membongkar rahsia untuk mendapatkan Syurga yang dijanjikan Allah Taala iaitu dengan hanya melakukan kebaikan yang disukai-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Sebesar manapun amalan yang pernah dilakukan akan diadili oleh Allah Yang Maha Adil. Jadi tidak keterlaluan sekiranya pengkaji mengatakan ayat 7 dan 8 surah al-Zalzalah adalah penaung kepada segala ayat yang mengandungi unsur *targhib* dan *tarhib* dalam al-Quran, samada secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Sayugianya, kedua-dua unsur ini tidak jauh berbeza dengan konsep yang diterapkan dalam ilmu tasawuf iaitu *khauf* dan *raja'*. *Khauf* dan *raja'* melibatkan persoalan iman dan keyakinan seseorang terhadap janji-janji Allah. Hal ini kerana dalam perspektif agama Islam, pahala dan dosa serta balasan dan azab seksa juga merupakan konsep dorongan dan tegahan kepada umat manusia. Peringatan dan ancaman dosa yang diberikan akan mengundang perasaan takut (*khauf*) mahupun penyesalan dalam diri seseorang daripada melakukan perbuatan buruk dan melakukan apa-apa

perbuatan yang menyebabkan kemurkaan Allah SWT. Sedangkan galakan dan rangsangan telah membuahkan kepercayaan dan pengharapan (*raja*) seseorang itu kepada janji-janji baik yang dikatakan oleh Sang Pencipta. Apabila *targhib* dan *tarhib* diterapkan dalam segenap kehidupan, pastinya *khauf* dan *raja* juga terbina dalam diri seseorang hamba yang kuat pergantungannya kepada Ilahi dan memandang Allah Tuhan Yang Maha Berkuasa atas segalanya (Hashim, Jamil 1990).

Melalui pendekatan motivasi dan kaunseling psikologi Islami dengan mengintegrasikannya dengan unsur *targhib* dan *tarhib* ini adalah sangat bernas akan memberi kesan kejiwaan dan melahirkan muslim yang bukan sahaja mempunyai keyakinan atas diri sendiri semata-mata, bahkan akan melahirkan muslim yang kuat pegangan akidahnya dengan mempunyai sepenuh pengharapan kepada Sang Pencipta dalam membina ketamadunan kemanusiaan yang cemerlang (Zakaria Stapa 2012) Muslim yang teguh akidahnya akan mewujudkan masyarakat yang berakhlak dan saling menghormati. Keharmonian ini semestinya dapat mengatasi masalah sosial yang berlaku sesama masyarakat kerana manusia menitikberatkan pandangan Ilahi yang Maha Adil dan Melihat atas setiap perbuatan yang dilakukan walaupun hanya sebesar biji sawi.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, unsur *targhib* dan *tarhib* merupakan uslub al-Quran yang menggalakkan perubahan yang baik dalam diri setiap orang. *Targhib* adalah dorongan yang menggalakkan keinginan untuk melaksanakan perintah-perintah Allah. Manakala *tarhib* pula mengenai perkara yang menggerunkan dan menimbulkan perasaan takut kepada seseorang. Menyedari hakikat konsep ini, amatlah wajar untuk diaplikasikan kedua-duanya kepada umat manusia demi membanteras dan mengurangkan masalah-masalah akhlak dan akidah yang dihadapi oleh sebahagian besar masyarakat kita. Kesepaduan *targhib* dan *tarhib* yang bertepatan dan seiring dengan kemahuan fitrah manusia akan menguatkan pegangan akidah dengan terbinanya perasaan *khauf* dan *raja* dalam diri seseorang itu untuk sentiasa takut dan meletakkan pergantungan harap kepada-Nya yang Maha Melihat dan menilai setiap tindakan hamba-Nya. Justeru itu, untuk mengekalkan perasaan *khauf* dan *raja* memerlukan seseorang itu untuk selalu terdedah dengan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur *targhib* dan *tarhib*. Di sini, pengkaji memilih surah al-Zalzalah yang berperanan untuk menyegarkan rangsangan dan rasa gerun seseorang itu terhadap janji-janji Allah SWT. Tuntasnya, surah al-Zalzalah sangat wajar untuk dijadikan surah yang menaungi segala konsep *targhib* dan *tarhib* kerana berjaya menggambarkan kekuasaan Allah Taala yang tidak pernah leka daripada semua perbuatan hamba-Nya dan setiap perbuatan tersebut akan dinilai dan diberi balasan sama ada balasan baik mahupun buruk.

## PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada CRIM-UKM atas tajaan dana penyelidikan Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2019-017) yang membiayai penyelidikan ini.

## RUJUKAN

Al-Qur'an al-Karim

Al-Alusi, Shihab al-Din Mahmud. 1994. *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-'Azim wa Al-Sab' al-Mathaniy*. Beirut: Dar Al-Kitab Al-'Ilmiyyah



- Al-Biqā'ie, Ibrahim ibn Umr. (tt). *Naẓam al-Durar fī Tanasub al-Ayāt wa al-Suar*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Islamiy.
- Al-Khalidi, Solah Abd al-Fattah. (2012). *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufassirin*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali. (tt). *al-Nukt wa al-'Uyun*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiah
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad. 1964. *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Kaherah: Dar Al-Kitab Al-Misriyyah.
- Al-Razi, Fakhr Al-Din Abu Abdillah. 1999. *Mafatih al-Ghayb*. Beirut: Dar Ihya' al-'Arabiyy.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad. 2000. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Zarkasyi, Abu Abdillah Badr al-Din. 1957. *al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar Ihya Kutub al-Arabiyyah.
- Dewi Ariyani & Nursalim. 2016. *Metode Targhib dan Tarhib Dalam Pendidikan Menurut Hadits Rasulullah SAW*. Jurnal el-Tarbawi 9: 21-37.
- Farzanah Balali Banaderi, R. J. 2018. *Uslub Targhib dan Tarhib Ma'a Ahl al-Kitab fi Surati al-Baqarah wa Ali 'Imran*. Majalah Kuliyyah al-Islamiyyah Li 'Ulum al-Tarbawiyah wa al-Insaniyyah 1(14): 210-218.
- Hashim, Jamil. 1990. *Persoalan Targhib dan Tarhib Menurut Perspektif Aqidah Islamiah*. Tesis Sarjana, Akademi Islam Universiti Malaya.
- Hussin, S. A. 2005. *Pendekatan Targhib dan Tarhib dalam Penyampaian Dakwah*. Jurnal Usuluddin 21: 117-138.
- Iba, J. 2013. *Konsep al-Targhib wa al-Tarhib dan Aplikasinya dalam Badan Dakwah di Medan Sumatera Utara Indonesia*. Tesis Dr. Falsafah, Unversiti Sains Malaysia.
- Ibnu 'Ashur, Mohammad al-Tahir. 1984. *Al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Al-Dar Al-Tunisiyyah Li Nashr
- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Ismail. 1998. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiah.
- Ibrahim, A. (1972). *Mu'jām al-Wasīt*. Kaherah: Darul al-Ma'arif.
- Muhammad Quraish Shihab. 2009. *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- Mustafa Ibrahim al-Mushni. 2006. *Al-Tafsīr al-Muqāran Dirāsāt Ta'ḥlīyyah*. Majalah al-Shari'ah wa Al-Qānun 26.
- Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham & Ahmad Irdha Mokhtar. 2017. *Pembinaan Peradaban Remaja Melalui Pendekatan Dakwah Targhib dan Tarhib*. Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun dan Warisan Islam (TAWIS) 2017, hlm. 67-77.
- Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Saleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosmanahij. 2019. *Hadis Targhib dan Tarhib dalam Menangani Isu Penagihan Dadah*. Hadis International Refereed Academic Journal in Hadith Studies 9(17): 48-64.
- Siti Aziah Saaban. 2014. *Metode Targhib dan Tarhib Menurut al-Qur'an: Aplikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam di Shah Alam*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Saparudin, I. F. 2017. *Motivasi Secara Targhib dan Tarhib dalam Menangani Remaja Histeria*. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2017). Anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Selangor, 26-27 April.
- Syukur, A. 2015. *Mengenal Corak Tafsir al-Qur'an*. El-Furqonia 1(1): 83-104.
- Wan Azura W.A., Ahmad Fazullah M.Z.A., Rosni Samah, Hishomudin Ahmad, Yuslina Mohamed & Mikail Ibrahim. 2017. *Uslub Targhib (Motivasi) Dalam Muamalah Hasanah: Analisis Surah Al-Dhuha Daripada Perspektif Psikologi dan Retorik*. Journal of Nusantara Studies 2: 198-213.

Zakaria Stapa. 2012. *Pendidikan Menurut Al-Qur'an Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah*. Jurnal Hadhari Special Edition, 7-22.

<https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/Buku-Maklumat-Dadah-2020.pdf>, dicapai pada 29 Oktober 2021.

<https://www.sinarharian.com.my/article/93539/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Tragedi-bayi-dibuang-seperti-sampah>, dicapai pada 29 Oktober 2021.